


KAMPUSUOLS


Segalanya tentang

www.kampusuols.com @kampusuols Okampusuols Okampus Uols • SINAR HARIAN • SELASA 28 MEI 2019


Mulanya dipaksa, kini jadi pelapis negara 31



Berkayuh hulu sumbangan sambut Ramadan 31



Sistem Pengering Rumah Hijau lebih bersih, selamat 32





MATRIKULASI ATAU ASASI?

Pilihan yang tepat akan 'jelaskan' hala tuju pelajar

PERSOALAN yang sering berlegar di minda pelajar di Malaysia terutama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), ke mana hala tuju pembelajaran selepas ini? Adakah sambung persekolahan menengah atas yakni ke tingkatan enam ataupun memilih laluan ke program matrikulasi atau asasi? Apa pula kelebihan kedua-dua program itu untuk ke peringkat lebih tinggi di institusi pengajian tinggi (IPT)?

Biarpun ada persamaan di antara matrikulasi dan asasi iaitu daripada segi sukatan pelajaran dan kedua-duanya juga merupakan fasa persediaan sebelum meneruskan pengajian ke peringkat ijazah, namun yang sering membuatkan pelajar keliru dan bimbang untuk membuat pilihan ialah kerana keputusan untuk ke matrikulasi biasanya diumumkan lebih awal manakala asasi mengikut Universiti Awam (UA) tertentu yang mengadakan program berkenaan. Di matrikulasi, pelajar tidak terikat dengan mana-mana universiti

tertentu, sebaliknya bagi program asasi ia adalah kursus asas yang ditawarkan oleh universiti-universiti tertentu. Dengan adanya kedua-dua program itu, pelajar boleh memilih laluan terbaik berdasarkan minat, kecenderungan dan kelayakan akademik. Namun, walau apa pun pilihannya, pelajar perlulah bersedia dan lakukan dengan bersungguh-sungguh agar impian bergelar mahasiswa dan mencapai cita-cita terlaksana dengan jaya.

>>MS30

Fahami minat masing-masing

Rujuk dan bincang agar tidak tersalah pilih

DALAM memilih laluan ke IPT seperti diimpikan, tidak dinafikan antara matrikulasi dan asasi masing-masing mempunyai kriteria tersendiri. Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Iqbal Saripan, kelebihan pelajar yang memilih matrikulasi, mereka masih lagi mempunyai pilihan memilih mana-mana universiti selepas menamatkan pengajian matrikulasi. "Secara langsung, pelajar mempunyai pilihan terbuka dan tidak tertutop kepada satu-satu universiti sahaja. Sebagai contoh, sekiranya pelajar ingin memilih Kejuruteraan Elektrik, pelajar boleh memilih di UPM, USM, UTM atau mana-mana universiti lain yang menawarkan program tersebut. "Bagi pelajar asasi pula, mereka akan ditawarkan ke mana-mana program yang ada di dalam universiti berkenaan sahaja. Contoh, untuk asasi UPM, sekiranya pelajar tidak mendapat tempat di Kejuruteraan Elektrik, pelajar akan ditawarkan bidang kejuruteraan yang lain. Kelebihannya adalah pelajar asasi ini akan dijamin tempat untuk menyambung

TIP MEMILIH ANTARA MATRIKULASI @ ASASI

- Senaraikan semua program yang ingin diceburi.
- Rujuk kaunselor atau senior yang telah mengikuti bidang tersebut.
- Semak kelayakan masuk bidang dengan keputusan akademik.
- Senarai pendek program yang ingin diikuti dan layak dengan keputusan akademik.



SENARAIKAN program yang ingin diikuti bagi memudahkan semasa pendaftaran sama ada asasi atau matrikulasi.



pengajian sarjana muda di UPM," jelasnya.

Justeru katanya, untuk membolehkan pelajar tidak tersilap pilihan, mereka digalakkan supaya berbincang dengan kaunselor kerjaya, melawat pameran pengajian tinggi seperti Jom Masuk IPT, berbincang dengan ibu bapa dan juga melakukan carian Internet.

"Pelajar perlu memahami minat dan melihat kepada pencapaian masing-masing supaya mereka boleh memilih bidang yang diminati dan pada masa sama berupaya untuk berjaya dalam bidang tersebut.

"Di dalam konteks sama ada memilih laluan matrikulasi dan asasi, pelajar perlu melihat sama ada mereka ingin memastikan mendapat program diminati atau ingin memastikan mereka dapat masuk universiti yang diminati," katanya lagi.

Feeder kepada program peringkat ijazah

Sementara itu, menurut Pengarah Pusat Asasi STEM (Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Laili Che Ros, berbanding program matrikulasi, pelajar asasiSS didedahkan dengan persekitaran kampus sejak awal lagi dengan diberi keutamaan memilih program-program ijazah dengan syarat mereka mencapai semua kriteria dan syarat kemasukan sesuatu program ditawarkan.

"Lazimnya, program asasi dijalankan mengikut acuan universiti berkenaan yang inginkan pelajar asasi itu menjadi feeder kepada program-program di peringkat ijazah. Sebagai Universiti Awam (UA) pertama menawarkan STEM, UMT menyediakan pelajar ke peringkat ijazah dalam bidang berkaitan.

"Selain itu, program-program tujuhan UMT seperti biologi marin dan sains nautika turut diperkenalkan kepada pelajar asasi bagi memberi mereka peluang memilih bidang ini di peringkat ijazah nanti.

"Asasi merupakan platform yang baik bagi pelajar untuk menyesuaikan diri sebagai penuntut universiti. Malah asasi

STEM UMT misalnya telah menyediakan bukan sahaja pengalaman, namun sebagai tapak untuk menonjolkan kebolehan diri yang berguna bagi mereka di peringkat ijazah," jelasnya lagi.

Tempoh pengajian lebih pendek

Secara dasarnya, kedua-dua program memberi kelebihan kepada pelajar dari segi tempoh pengajian yang lebih pendek untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana muda.

Menurut Pengarah Pejabat Pemasaran dan Kemasukan, Universiti Selangor (Unisel), Noor Azman Kamal, berbanding mengikuti program diploma dengan tempoh masa minimum dua setengah tahun, pelajar hanya perlu mengikuti kedua-dua program selama satu tahun sebelum boleh menyambung pengajian ke peringkat sarjana muda.

"Kebanyakan program ini juga lebih fokus kepada bidang yang boleh diceburi seawaktu peringkat sarjana muda. Jadi, pelajar akan lebih bersedia dan mempunyai matlamat jelas berbanding mengikuti program persediaan lain seperti STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia).

"Dari sudut lain, pelajar program ini dapat menjimatkan perbelanjaan sepanjang pengajian yang lebih pendek, mungkin tidak sedar lebih lama tempoh belajar maka kos akan lebih tinggi termasuk kos sara diri. Di Unisel, program peringkat asasi ini adalah secara percuma," jelasnya.

APA KATA MEREKA?



"Kewujudan asasi STEM telah menempatkan sebelah kaki saya di UMT dan memastikan saya untuk berjaya mencapai cita-cita dalam bidang biologi marin."
- Muhammad Alif Kamarul Azman (ambilan pertama asasi STEM UMT)



"Program asasi banyak memberi pengalaman kepada pelajar misalnya dalam mentor mentee yang mana ia dapat mengasah soft skill pelajar asasi STEM."
- Nur Sabrina Mohamad Ikram (ambilan pertama Asasi STEM UMT)